

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SKW 103/NKM 031 - Pengantar Sains Politik

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja.

1. Antara perkara yang paling utama dalam ilmu politik ialah "kuasa" dan "keesahan kuasa". Apakah fahaman anda tentang konsep-konsep ini? Apakah persoalan-persoalan utama yang terlibat dalam perdebatan tentang soal-soal ini?
(100 markah)

2. Dengan berpandukan model sistem, bincangkan komponen-komponen utama (dan perhubungan di antara mereka) sistem politik sebuah negara tertentu. (Anda tidak dibenarkan menggunakan contoh Malaysia.)
(100 markah)

3. Apa maksud "ideologi"? Apakah peranannya? Apakah pandangan anda tentang perdebatan-perdebatan masa kini tentang ideologi, khususnya yang berhubungan dengan konsep "End of History" dan "Clash of Civilization" anjuran Fukuyama dan Huntington.
(100 markah)

...2/-

4. "Demokrasi ialah satu kaedah pemerintahan sebenar yang dinamis, bukannya satu dogma yang beku ... demokrasi boleh wujud dalam bentuk yang berbeza dalam kepelbagaiannya budaya dan tamadun yang berbeza ... asalkan prinsip-prinsip utamanya, seperti persaingan politik dan penyertaan rakyat, diamalkan secara terbuka dan melalui saluran-saluran yang termaktub." Ulas.

(100 markah)

5. Apakah fahaman anda tentang konsep "negara"? Apakah ciri-cirinya dan peranannya? Apa komen anda tentang pernyataan bahawa "membentuk satu bangsa adalah jauh lebih sukar daripada membentuk sebuah negara".

(100 markah)

6. Apakah yang dimaksudkan dengan pilihanraya dan perwakilan? Mengapakah pilihanraya dan perwakilan dianggap paling utama dalam teori demokrasi?

(100 markah)

- oo ooo oo -